

10/04/2003

Pemimpin diminta tidak buat kenyataan terbuka

IPOH: Semua pemimpin Umno bahagian di Perak dinasihatkan tidak membuat kenyataan terbuka menyokong mana-mana naib presiden untuk menjadi orang nombor dua dalam kerajaan.

Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Negeri, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata sekarang bukanlah masa sesuai menyatakan sokongan seperti itu kerana ia boleh mengundang perpecahan dalam parti.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bakal penggantinya dan terserah kepada Abdullah melantik timbalannya.

"Selepas pilihan raya, jika Datuk Seri Abdullah menjadi perdana menteri, siapa dilantik menjadi timbalannya, itulah yang kita sokong menjadi timbalan presiden Umno," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, semalam.

Beliau mengulas tindakan Ketua Umno Bahagian Chenderoh, Datuk Nazri Aziz, menyatakan sokongan terbuka kepada Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, sebagai calon timbalan perdana menteri dan calon timbalan presiden Umno.

Tajol Rosli berkata, pemimpin Umno negeri ini perlu bersabar dan menunggu masa sesuai jika mahu menyatakan sokongan mereka itu.

Pada masa yang sama, katanya, pemimpin dan ahli parti perlu sedar bahawa mereka seharusnya menghormati keputusan dibuat Abdullah, walau apa pun pandangan mereka terhadap calon yang dipilih.

Di KANGAR, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata Umno Perlis mematuhi tradisi dan perlembagaan parti berhubung pelantikan timbalan perdana menteri selepas Oktober ini.

Beliau berkata, secara tradisi dan perlembagaan, jawatan berkenaan ditentukan oleh perdana menteri ketika itu dan orang lain tidak wajar campur tangan.

"Semua orang kena tahu bidang tugas masing-masing. Secara tradisinya menjadi hak perdana menteri melantik timbalan perdana menteri dan menteri lain. Itu caranya.

"Salah satu daripada tanda kerosakan ialah apabila ada orang lain campur tangan dalam tugas orang lain," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, semalam.

Shahidan berkata usul seperti itu juga boleh menimbulkan hal yang 'kurang manis' kepada individu yang dicalonkan dan tekanan kepada perdana menteri nanti.

Di KUALA LANGAT, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, meminta mana-mana bahagian di Selangor supaya tidak mencadangkan nama tertentu sebagai timbalan perdana menteri.

Beliau berkata, tindakan mencalonkan pihak tertentu itu hanya akan

memecah-belahkan keharmonian dalam parti sedangkan menjadi hak Abdullah untuk memilih timbalannya.

"Saya berpandangan adalah tidak molek mana-mana bahagian memberi cadangan tertentu yang boleh memecah-belahkan parti.

"Bagi saya ketiga-tiga Naib Presiden Umno; Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib sudah membuat kenyataan yang positif mengenai perkara ini.

"Elok kita fokus kepada usaha mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco semalam.

Di JOHOR BAHRU, Umno Johor berpendapat penentuan siapa yang bakal mengisi jawatan timbalan perdana menteri adalah hak Abdullah apabila beliau mengambil alih kepemimpinan kerajaan selepas Oktober ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata pihaknya sebulat suara mahukan amalan dan tradisi iaitu perdana menteri menentukan sendiri timbalannya yang diguna pakai sejak zaman Tunku

Abdul Rahman itu diteruskan pada masa depan.

Beliau berkata, mana-mana pihak tidak sepatutnya cuba mengambil langkah di luar daripada amalan dan tradisi parti terutama dalam pemilihan jawatan timbalan perdana menteri.